

Program IEC UniMAP

Menerima 21 Orang Pelajar Antarabangsa

Bermula 25 hingga 28 Oktober 2010, satu program orientasi khusus untuk pelajar antarabangsa yang akan mengikuti kursus intensif Bahasa Inggeris selama 6 bulan di UniMAP telah diadakan. Tujuan program yang diadakan selama 4 hari ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai kehidupan sebagai seorang mahasiswa institusi pengajian tinggi. Seramai 21 orang pelajar antarabangsa terlibat dalam program ini yang terdiri daripada 15 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar wanita daripada beberapa buah negara antaranya China, Indonesia, Somalia, Yemen dan Uzbekistan.

Sepanjang 4 hari program suaikenal dijalankan, beberapa aktiviti telah dirancang sebagai pengisian kepada para pelajar antaranya taklimat daripada beberapa jabatan utama universiti seperti Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Pembangunan, Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Kolej kediaman selain daripada Pusat Hal Ehwal Antarabangsa UniMAP. Selain daripada taklimat dan aktiviti latihan dalam kumpulan, pelajar-pelajar turut diperkenalkan dengan beberapa jenis permainan tradisi masyarakat di negara kita.

Orientasi pelajar ini telah berjaya menyuntik semangat para pelajar untuk meneruskan pengajian di sini setelah diberikan pendedahan mengenai kehidupan kampus yang bakal mereka lalui.